

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

6. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca pada 1 Jun 2017.

- (a) Apakah tahap pencapaian berhubung dengan dasar tersebut? Sila sertakan dengan maklumat atau statistik terperinci.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan menyemak semula pelaksanaan dan publisiti dasar tersebut?
- (c) Adakah sebarang tindakan penguatkuasaan telah diambil di bawah dasar tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Jun 2016 dan menguatkuasakan dasar tersebut secara berperingkat mulai 1 Jun 2017.

- (a) Tahap pencapaian dasar tersebut dapat ditentukan melalui faktor-faktor berikut:
 - (i) Peningkatan kadar kitar semula negeri setiap tahun mulai tahun pelaksanaan dasar iaitu 38.37% pada 2016 kepada 46.61% pada tahun 2019. Perincian kadar kitar semula mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (ii) Peningkatan penyertaan kitar semula di peringkat komuniti sekolah setiap tahun dari 135 buah sekolah pada tahun 2016 kepada 199 buah sekolah pada tahun 2019. Perincian penyertaan kitar semula di peringkat komuniti sekolah mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyemak semula pelaksanaan dasar dan publisiti dasar ini.
- (c) Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan dasar secara berperingkat seperti berikut:
 - (i) Premis kediaman milikan strata mulai 1 Jun 2017.
 - (ii) Premis komersial mulai 1 Januari 2018.
 - (iii) Kediaman bertanah mulai 1 Januari 2019.

Sepanjang tempoh penguatkuasaan dasar sehingga 29 Februari 2020, Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP telah memeriksa sebanyak 329,406 premis serta mengeluarkan 45,907 notis dan 1,688 kompaun. Perincian tindakan penguatkuasaan dasar adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

KADAR KITAR SEMULA NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT PBT

Tahun	2016 (%)	2017 (%)	2018 (%)	2019 (%)
MBPP	28.00	29.68	31.20	31.22
MBSP	42.61	43.25	47.16	51.64
Negeri	38.37	39.22	42.69	46.61

LAMPIRAN B**PENYERTAAN KITAR SEMULA DI PERINGKAT KOMUNITI SEKOLAH
MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Kategori	2016		2017		2018		2019	
	MBPP	MBSP	MBPP	MBSP	MBPP	MBSP	MBPP	MBSP
Pra-sekolah	18	-	20	-	23	2	21	9
Sekolah Rendah	41	33	51	41	49	41	57	44
Sekolah Menengah	31	12	34	24	37	29	38	30
Jumlah	90	45	105	65	109	72	116	83
Jumlah Keseluruhan	135		170		181		199	

LAMPIRAN C**SATISTIK PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DIPUNCA DI
PREMIS KAWASAN MBPP SEHINGGA 29 FEBRUARI 2020**

Jenis Premis	Pemeriksaan	Notis	Kompaun
Kediaman bertanah	8,986	1,058	102
Kediaman bertingkat /Strata	849	150	7
Premis Komersial	1,744	107	66
JUMLAH	11,579	1,315	175

**STATISTIK PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DIPUNCA DI
PREMIS KAWASAN MBSP SEHINGGA FEBRUARI 2020**

Jenis Premis	Pemeriksaan	Notis	Kompaun
Kediaman bertanah	290,528	29,570	1,063
Kediaman bertingkat /Strata	758	365	76
Premis Komersial	26,541	14,657	374
JUMLAH	317,827	44,592	1,513

**SATISTIK PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DIPUNCA DI
SEMUA PREMIS DI NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA FEBRUARI 2020**

Jenis Premis	Pemeriksaan	Notis	Kompaun
Kediaman bertanah	299,514	30,628	1,165
Kediaman bertingkat /Strata	1,607	515	83
Premis Komersial	28,285	14,764	440
JUMLAH	329,406	45,907	1,688